

Headline	Masyarakat main peranan beri kesedaran mengenai Aids		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	08 Dec 2014	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	6	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	168 cm ²
Journalist	Ibrahim Tabir	AdValue	RM 346
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,038



Masyarakat main peranan beri kesedaran mengenai Aids

Ibrahim Tabir

KUNAK: Semua lapisan komuniti sama ada yang tinggal di bandar mahupun luar bandar memainkan peranan dalam memberi kesedaran mengenai bahaya penyakit Aids.

Bertepatan dengan sambutan Hari Aids Sedunia yang diadakan pada 1 Disember setiap tahun dengan tema 'Close the Gap' atau 'Menuju Sifar - Tanggungjawab Bersama', program sambutan peringkat daerah Kunak yang diadakan di Mini Dewan Datuk Zainal Gunong pada Sabtu turut bertindak sebagai satu wahana menyahut seruan menyatupadukan segenap lapisan masyarakat, sektor-sektor awam dan kesihatan, komuniti Belia dan pemimpin masyarakat untuk sama-sama berganding bahu dalam usaha itu.

Bercakap kepada *Harian Ekspres* selepas merasmikan Program tersebut, Penolong Pegawai Pembangunan Daerah Mohd Hatta Arabi yang mewakili Pegawai Daerah Kunak berkata, kempen kesedaran mengenai bahaya Aids adalah tanggungjawab dalam satu kombinasi bersama di kalangan semua peringkat sama ada ibu bapa, belia, pertubuhan atau persatuan, NGO dan juga pemimpin masyarakat.

"Kita menyedari bahawa pentingnya semua pihak mengambil peranan dan menyertai program kesihatan ini bagi memberi kesedaran bahawa penyakit Aids perlu dicegah," katanya.

Pencegahan penyakit Aids dan HIV boleh dijayakan dengan adanya kekuatan rohani dan penekanan kepada budaya hidup sihat, nilai-nilai murni dan pegangan keagamaan yang menuntut agar setiap manusia sentiasa mengamalkan budaya kehidupan yang positif dan mengelak daripada perbuatan songsang yang boleh membinasakan katanya.

Hadir sama di majlis itu, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Daerah, Dolar Yakim mewakili Pegawai Kesihatan Daerah Kunak, Dr Bala Murali, Pemimpin Pembangunan masyarakat (PPM), Joehan Angki dan komuniti setempat. Pameran oleh Jabatan Kesihatan daerah turut diadakan.

Sementara itu, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (unit HIV/Aids), Mohd Kilau Ukui semasa menyampaikan ceramahnya mengenai bahaya Aids berkata, kes pertama HIV/Aids dikesan di Malaysia pada tahun 1986.

Di Malaysia sahaja, dari tahun 1986 sehingga akhir tahun 2012 lebih 98,279 jangkitan HIV, manakala 15,688 kematian berkaitan Aids dilaporkan.